

07 MAY 1996

Osman-Profil

OSMAN MENTERI BESAR KEDAH SEJAK 1985

ALOR SETAR, 7 Mei (Bernama) -- Tan Sri Haji Osman Aroff yang telah mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah, memegang jawatan itu sejak 1985 menggantikan Datuk Seri Syed Nahar Shahabudin.

Osman, 55, merupakan wakil rakyat paling lama berkhidmat di negeri ini. Beliau mula bertanding dalam pilihan raya umum 1969 mewakili Perikatan dan mengalahkan calon PAS, Ayub Ishak, untuk kerusi Jitra.

Beliau terus menenangi kerusi itu selama tujuh pilihan raya umum berturut-turut sehingga pilihan raya umum 1995.

Osman menyertai Exco Kerajaan Negeri pada 1972 dan pernah memangku jawatan Menteri Besar selama 42 hari semasa Datuk Seri (kini Tun) Syed Ahmad Shahabudin bercuti di luar negara pada 1976.

Beliau menerajui Umno Bahagian Kubang Pasu dari 1969 hingga 1972 sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih dan Osman dipilih sebagai Timbalan Ketua Bahagian sehingga sekarang.

Pembabitan beliau dalam politik bermula awal dalam hidupnya dan sentiasa menyertai mesyuarat dan perjumpaan Umno tempatan. Pada 1956 ketika berusia 16 tahun, Osman diberi kepercayaan memegang jawatan Setiausaha Umno cawangan Tanah Merah.

Dua tahun kemudian beliau turut mengasaskan penubuhan Umno Bahagian Jitra dan menjadi Ketua Pemuda yang pertama apabila Bahagian Kedah Utara ditukar menjadi Bahagian Jitra sebelum dinamakan Bahagian Kubang Pasu sehingga kini.

Beliau juga diberi kepercayaan menjadi wakil calon beberapa tokoh politik ketika itu termasuk Tan Sri Fatimah Hashim yang bertanding bagi kerusi Parlimen Jitra-Padang Terap pada 1959.

Pada 1963 apabila tamat pengajiannya di Amerika Syarikat dalam bidang sains politik, Osman dilantik sebagai Penolong Setiausaha Pemuda Umno Malaya bagi menggantikan Hamzah Alang yang meninggal dunia.

Anak petani ini dilahirkan pada 23 Nov, 1940 di Kampung Kelubi, Kubang Pasu. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jitra sehingga tamat darjah empat sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar pada 1951 dan lulus Senior Cambridge pada 1958.

Osman pernah bekerja di pejabat Konsul Taiwan di Kuala Lumpur selama tiga tahun sebelum meletakkan jawatan untuk bertanding pada pilihan raya umum buat kali pertama pada 1969.

Beliau dan isterinya, Puan Sri Hajah Azizah Abdul Hamid, mempunyai tiga anak lelaki dan seorang anak perempuan. -- BERNAMA

MFJ NMO